



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
29 April 2021**

### **PNB UMUM PERSARAAN PENERUSI KUMPULAN, TAN SRI DR. ZETI AZIZ**

**KUALA LUMPUR, 29 APRIL 2021** - Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan bahawa Tan Sri Dr. Zeti Aziz telah secara rasmi menulis surat kepada YAB Perdana Menteri yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) bagi menyatakan hasrat beliau untuk tidak memperbaharui tempoh jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan setelah menamatkan penggal tiga tahunnya pada 30 April 2021.

Tan Sri Dr. Zeti telah memacu perjalanan transformasi PNB sejak pelantikan beliau sebagai Pengerusi Kumpulan pada tahun 2018, yang telah menyaksikan institusi tersebut mencapai kemajuan besar dalam tiga bidang utama. Pertama, usaha kepelbagaian ke dalam kelas aset dan pasaran global yang lebih luas menyaksikan pendedahan PNB dalam aset antarabangsa meningkat kepada 12.3% pada akhir tahun 2020. Usaha ini telah mengukuhkan portfolio pelaburan PNB daripada hanya tertumpu dalam ekuiti domestik. Kedua, PNB telah berjaya mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko dan kecairannya, dengan fokus menurunkan peratusan pegangan tunai yang tinggi hasil daripada pengurusan pendedahan risiko pertukaran asing yang lebih besar. Akhir sekali, PNB telah memulakan transformasi organisasi di seluruh kumpulan yang telah menghasilkan inovasi digital, kecekapan operasi dan pengembangan bakat menerusi pelbagai inisiatif.

Tan Sri Dr. Zeti berkata, “Kesempatan berkhidmat sebagai Pengerusi Kumpulan PNB selama tiga tahun ini ialah satu penghormatan buat saya, di mana PNB telah melaksanakan agenda transformasi organisasi dalam tempoh yang mungkin paling mencabar dan transformatif pernah dialami. Hari ini, agenda transformasi ini telah mendorong potensi peningkatan prestasi dan inovasi yang lebih besar, serta kecekapan yang lebih tinggi. PNB kini berada dalam kedudukan teguh untuk melakukan yang lebih baik lagi pada masa depan dan meraih penciptaan nilai jangka panjang yang disasarkan demi para pemegang unit kami.”

“Bagi pihak Lembaga Pengarah, Pasukan Kepimpinan dan semua rakan sekerja di PNB, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Dr. Zeti atas kepimpinan yang berwawasan dan sumbangan yang tidak ternilai beliau kepada PNB, ASNB dan Syarikat Kumpulan PNB sepanjang tempoh tiga tahun. Beliau membawa bersamanya hampir empat dekad pengalaman dalam perkhidmatan awam dan pengukuhan institusi, yang telah memberi banyak manfaat kepada PNB,” kata Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan.

Pelantikan Pengerusi Kumpulan baharu akan diputuskan oleh Yayasan Pelaburan dalam masa terdekat.

*-Tamat -*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) ialah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**